

Media : Kosmo

Date : 29 June 2023



ORANG ramai bergambar bersama maskot AMB sempena kempen Makan Sihat, Hidup Aktif di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ajinomoto terus aktif tingkat kesedaran masyarakat

PETALING JAYA – Ajinomoto (M) Berhad (AMB) meneruskan aktiviti untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat melalui kempen Makan Sihat, Hidup Aktif bersempena Bulan Nutrisi Malaysia (NMM) 2023 yang dijalankan di pusat beli-belah di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada tahun ini, AMB berpeperanan sebagai penaja utama bagi NMM 2023, menandakan penglibatan kelima berturut-turut dalam program yang dinantikan itu.

Program yang memfokuskan kepada usaha syarikat untuk mendidik orang ramai mengenai

gaya hidup yang lebih sihat turut menggalakkan pengguna tentang pengurangan penggunaan garam sebaliknya menggunakan Perencah Umami Ajinomoto.

"Produk ini mampu mengurangkan pengambilan sodium sehingga 40 peratus dengan mengekalkan kelazatan makanan.

"Senaman juga membantu membina otot yang lebih baik, membawa kepada gaya hidup yang lebih aktif dan membolehkan orang ramai menjalankan pelbagai aktiviti harian dengan mudah," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.